



# SUARAA

NOVEMBER/DISEMBER 1990 ISSN 0128 - 1194

BANDARAYA

KADAR CUKAI PINTU TIDAK NAIK 10 TAHUN

## Belanjawan DBKL 1991

**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur membelanjakan wang sebanyak \$551.9 juta dalam tahun 1991 iaitu sebanyak \$298 juta bagi perbelanjaan Operasi dan \$253.9 juta bagi perbelanjaan Pembangunan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 9.6% dan 17.4% bagi perbelanjaan Operasi dan Pembangunan daripada tahun 1990.

Jumlah anggaran hasil operasi bagi Akaun Cukai Am dan Akaun Pembetulan ialah sebanyak \$237.6 juta dibandingkan dengan tahun lalu sebanyak \$216.3 juta.

Jumlah hasil dijangka bertambah sebanyak \$21.3 juta atau 9.8% daripada tahun 1990. Bagi Akaun Perumahan Awam pula pendapatan yang akan dipungut dalam tahun 1991 dijangka bertambah menjadi \$35.4 juta dibandingkan dengan tahun 1990 sebanyak \$33.7 juta.

Datuk Bandar, Tan Sri Dato' Elyas Omar berkata demikian dalam sidang akhbar Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 1991 yang diadakan di sini baru-baru ini.

Tan Sri Dato' Elyas Omar memberitahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih mengekalkan kadar cukai pintu sejak 10 tahun berturut-turut kerana tak ingin membebankan wargakota.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini telah menggunakan sistem perancangan pembangunan bagi tempoh 5 tahun. Perancangan pembangunan bagi tempoh tahun 1991 akan berakhir pada tahun 1995 dengan pemakaian sistem perancangan ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan dapat menganggarkan keperluan kewangan dalam jangka masa 5 tahun mulai tahun semasa dengan lebih tepat. Dengan sistem ini dilaksanakan dengan betul akan dapat mengekalkan pembelanjaan awam iaitu untuk melaksanakan projek-projek besar dari tergendala kerana tidak mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakannya," ujar Tan Sri Dato' Elyas Omar.

Beliau berkata berdasarkan perancangan pembangunan 5 tahun mulai tahun 1991, jumlah wang yang dijangka akan dibelanjakan adalah sebanyak \$1,366.6 juta untuk projek pembangunan perumahan Awam, Pembangunan Am, Rekreasi dan Pengindahan, Kerja-Kerja Jalanraya, Perparitan dan Pembedahan.



Bandaraya Kuala Lumpur

Katanya, DBKL telah merancang untuk mendapatkan wang sebanyak \$1,366.6 juta siri tahun 1991 hingga 1995 untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan. Sekiranya jumlah ini tidak dapat diadakan dari punca-punca kewangan yang ada, DBKL akan mencari jalan lain untuk melaksanakan projek tersebut, atau meminjam wang daripada Kerajaan Pusat dan institusi kewangan tempatan.

Tan Sri Dato' Elyas Omar memberitahu, DBKL telah menyediakan suatu rancangan pembangunan dalam jangka panjang sehingga ke tahun 2000, dengan matlamat perancangan ini untuk menentukan selepas tahun 2000 tidak ada lagi penduduk di Wilayah Persekutuan yang tinggal di rumah-rumah setinggan.

Menurut kata Datuk Bandar, mengikut kajian ke atas program pendaftaran terbuka yang dilancarkan pada awal tahun 1983, peruntukan terhadap

perumahan untuk jangkamasa lima tahun (1991-1995) adalah dianggarkan di antara 70,000 - 100,000 unit. Daripada jumlah ini DBKL dijangka akan dapat menyediakan sekurang-kurangnya 45% dari jumlah keperluan dan DBKL akan membina sekurang-kurangnya 30,000 unit ataupun 5,000 unit setiap tahun mulai tahun 1991 hingga 1995.

Pecahan jenis rumah yang akan disediakan oleh DBKL untuk jangkamasa lima tahun berjumlah 33,417 unit iaitu perumahan awam kos rendah - 11,564 unit, perumahan awam kos sederhana rendah - 6,750 dan perumahan awam melalui penswastan - 15,103 unit, ujar Datuk Bandar.

Katanya, dalam usaha memastikan sistem rangkaian jalan di Kuala Lumpur adalah lebih teratur bagi menampung keperluan kenderaan yang semakin bertambah, DBKL mempunyai rancangan

# KANDUNGAN

**SUARA BANDARAYA ■ NOV./DIS. 1990**

■ BELANJAWAN DBKL 1991	1
■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN	2
■ DARI MEJA DATUK BANDAR	3
■ CITY HALL BUDGET 1991	4
■ IKATAN MELAWAT MALAYSIA TIMUR DAN BRUNEI	7
■ PENDEDAHAN, SIKAP DAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM INDUSTRI INSURANS	8
■ SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN IKAN DILEPASKAN UNTUK DIPANCING	9
■ DUIT SYILING PERINGATAN 100 TAHUN	9
■ MONORAIL AKAN DILAKSANAKAN PADA 1991	10
■ INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL 13 NEGARA MENGAMBIL BAHAGIAN	11
■ PESTA KEBUDAYAAN DI TURKI	11
■ PERAYAAN 100 TAHUN	12
■ KEBAJIKAN KAKITANGAN	13
■ TAJA FICUS BENJAMINA	13
■ KENANGAN 1990	14
■ KUALA LUMPUR KOTA BUDAYA	16
■ PERAYAAN 100 TAHUN	17
■ PASAR TERBUKA WANGSA MAJU DAPAT MENAMPUNG KEPERLUAN 10,000 ORANG	18
■ PASAR BARU AIR PANAS \$1.2 JUTA DIRASMIKAN OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA	19
■ SKIM PINJAMAN PELAJARAN DATUK BANDAR \$4.5 JUTA TELAH DIBELANJAKAN	20
■ RENCANA AGAMA UKHUMAH ISLAMIAH, SATU NIKMAT?	21
■ KHATAN BERAMAI-RAMAI	21
■ RENCANA KESIHATAN: SAKIT PINGGANG PENYEBAB, TANDA-TANDA DAN RAWATAN	22
■ INTERNATIONAL CONVENTION OF QCC TOKYO JEPUN	22
■ TRAINING: ITS DESIGN AND MANAGEMENT KASMOYEE HADIRI KURSUS	23
■ KURSUS PENGENALAN KAKITANGAN BARU HADIRI KURSUS	23
■ KAUNSELING BANTU KAKITANGAN MENGATASI MASALAH	24
■ KURSUS BINA INSAN UNTUK PEGAWAI KANAN	24
■ SAIDAN JALAL KEKAL JAWATAN YANG DIPERTUA BKMD	25
■ ROSLAN ALI GEMBIRA DI SAMPING KASTURI	26
■ GANJARAN SKIM PINGGANG	27
■ PERTANDINGAN GOLF 100 TAHUN KUALA LUMPUR	28



## PENASIHAT

Mohd. Shukran Hj. Abd. Halim

## EDITOR

Zarina Ahmad Osman

## PENOLONG EDITOR

Mohamed Hashim Hj. Mohd Ali

## JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan  
Abd. Rhani Mohd. Sohor

## PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

## SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :

## EDITOR

SUARA BANDARAYA  
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwat Awam,  
Urusetia Bandaraya, Tingkat 6,  
Bangunan Dewan Bandaraya  
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Telefon : 2916011  
Sambungan 147/ 432 / 122

## PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DESIGN & LAYOUT  
Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.

## Dari Meja Datuk Bandar

**P**entadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memerlukan suatu corak dan pendekatan yang berbeza daripada keadaan biasa berbanding dengan bandar-bandar lain di Malaysia kerana Kuala Lumpur mempunyai peranan yang luas, bukan sahaja ibu negara, malah ia juga sebagai pusat pentadbiran dan pemerintahan negara, pusat perdagangan dan kewangan, pusat pelancongan dan konvensyen dan sebagai pusat kegiatan sukan dan kebudayaan.

Penduduk Kuala Lumpur yang kini meningkat 1.5 juta, mempunyai kemahuan yang bertambah canggih, citarasa yang berubah-ubah dan ini memerlukan sistem dan corak pentadbiran yang turut berubah-ubah serta bersifat dinamis bagi mengatasi cabaran.

Golongan kaya memerlukan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sosial yang semakin tinggi mutunya, manakala golongan miskin akan terus memerlukan bantuan serta sokongan dari kerajaan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri.

Masyarakat penjaja pula perlu dipertingkatkan kualiti penjajaannya, manakala setinggan perlu diberi tempat tinggal yang lebih selesa lagi teratur dan penduduk rumah pangsa memerlukan kemudahan-kemudahan yang lebih baik, manakala

penduduk Kampung Melayu memerlukan perubahan dari segi pembangunan dan kemajuan.

Dengan kedudukan infrastruktur-infrastruktur yang baik, jalanraya-jalanraya,



longkang-longkang, lampu-lampu jalan, kemudahan-kemudahan asas, kawasan pejalan kaki dan lain-lain lagi perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa

supaya konsep Kuala Lumpur sebagai bandaraya taman bercahaya benar-benar bermakna. Kemudahan-kemudahan lain seperti mentol, perhentian bas dan teksi diperbaiki dan dipertingkatkan.

Kemudahan sukan dan tempat riadah semakin penting untuk ditambah dan dipertingkatkan supaya lebih ramai wargakota dapat faedah dan manfaatnya.

Kuala Lumpur bukan sahaja menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan untuk penduduknya malah ia perlu dipertingkatkan lagi sebagai bandaraya destinasi pelancongan yang penting di samping sebagai pintu masuk ke negara kita.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai tanggungjawab yang berat untuk mentadbir dan mengurus Kuala Lumpur di samping mempunyai "Vision" yang akan menjamin masa depan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya metropolis antarabangsa. Penglibatan pihak-pihak swasta terutamanya pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri dapat membantu Kuala Lumpur menjadi lebih pesat berkembang maju, selain membangunkan kawasan-

kawasan tertentu bagi mewujudkan suasana yang lebih baik dari segi ekonomi, peluang-peluang pekerjaan dan kualiti hidup ■

## From The Datuk Bandar's Desk

*Kuala Lumpur, as the national capital, requires a totally different administrative style and approach from other Malaysian towns. It plays a much wider role as the hub of government, trade and finance. It is also a tourism gateway, convention centre and the focus of sports and culture.*

*A more dynamic and flexible administrative system and style is necessary to meet the sophisticated needs and changing tastes of the population, which now exceeds 1.5 million.*

*The well-to-do want better quality services and social facilities while the poor*

*still need Government aid and support, particularly from City Hall. It has to provide improved trading facilities for hawkers, proper housing for squatters, better facilities for flat-dwellers, and develop and modernise Malay villages.*

*Roads, drains, street lights, basic amenities, pedestrian areas and other facilities need constant upgrading to ensure a good infrastructure. Beautification and landscaping must be carried out throughout the City area in the effort to turn Kuala Lumpur into a Garden City of Lights.*

*Pedestrian malls, bus and taxi terminals must be improved and upgraded.*

*Sports and recreational facilities must be expanded and improved so as to benefit more residents.*

*Kuala Lumpur not only needs good facilities but also tourist attractions to make it a tour destination and gateway to Malaysia.*

*City Hall is responsible not only for running Kuala Lumpur but also for turning it into a modern metropolis on par with other famous cities of the world. The private sector and investors can not only help develop certain areas, generate jobs and enhance the quality of life, but also contribute to the realisation of this vision ■*